

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 MARCH 2015

Prinsip, integriti Tun Razak

BH - 2/3/2015

» Najib tegaskan bapa tidak pernah dikait dengan salah guna kuasa

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam, menegaskan Allahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein seorang yang berprinsip dan penuh berintegriti serta bersifat sederhana.

Perdana Menteri berkata, sepanjang berkhidmat dalam kerajaan, bapanya tidak pernah dikaitkan dengan sebarang amalan rasuah serta salah guna kuasa, malah sentiasa meletak kepentingan negara mengatasi segalanya.

"Sepanjang berkhidmat dalam kerajaan, Tun Razak tidak pernah terbabit dengan mana-mana amalan rasuah dan salah guna kuasa.

"Beliau (Tun Razak) sentiasa meletakkan kepentingan negara jauh mengatasi sebarang kepentingan peribadi sehingga jasanya kepada negara menjadi memori umum kepada rakyat.

"Malah sejak mula terbabit dalam pejuangan politik sehingga memegang tampuk pemerintahan negara, Tun Razak diketahui umum mengamalkan gaya hidup yang sederhana dan berjimat cermat," katanya dalam kenyataan, malam tadi.

Beliau berkata demikian



Allahyarham Mohamed Noah bersama Najib pada 13 Ogos 1990.



Allahyarham Tun Razak

menyokong kenyataan keempat-empat adiknya minggu lalu yang turut menzahirkan perkara sama berikutan laporan mengelirukan sebuah akhbar di New York mengenai bapa mereka.

Dalam kenyataan minggu lalu, 6emua adik Najib, iaitu Datuk Johari, Datuk Nizam, Datuk Nazim dan Datuk Seri Nazir sepakat mengatakan bapa mereka adalah individu yang berpegang kepada prinsip, maJah sesiapa yang mengenali beliau mengetahui Allahyarham adalah seorang yang suka berjimat cermat dan berintegriti.

"Kami (Najib dan adik beradiknya) juga mahu menyatakan bahawa seluruh ahli keluarga kami bersepat dalam isu ini," katanya.

Tak guna dana kerajaan

BH difahamkan Tun Razak tidak pernah menggunakan dana kerajaan untuk membiayai pengajian anaknya ke luar negara, sebaliknya kos itu ditanggung sepenuhnya oleh datuk mereka, Allahyarham

Tan Sri Mohamed Noah Omar.

Mohamed Noah adalah seorang usahawan beijaya, antara tokoh korporat Melayu terkaya sehingga dinobatkan sebagai seorang hartawan Melayu pada zaman itu.

Antara pembabitan Allahyarham dalam sektor korporat adalah pelantikan sebagai Pengerah MUI Group, United Malayan Banking Corporation, Matsushita dan Genting Highlands Bhd.

Allahyarham bersama rakan kongsinya, mendiang Tan Sri Lim Goh Tong menubuhkan pusat peranganin Genting Highlands pada tahun 1965, ketika zaman Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Perdana Menteri yang kemudian menjual kepentingan beliau selepas Genting Highlands mula beralih kepada aktiviti pejudian.